



KENYATAAN MEDIA

PENGARAH
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

#islamicsaviourobedience

Ruj. Kami
Tarikh

: JAIS.UK.100-9/1/6 (95)
: 23 Muharram 1447H
19 Julai 2025M

PROGRAM EHATI TIDAK DAPAT KEBENARAN JAIS

SHAH ALAM, 19 Julai 2025 - Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) ingin merujuk kepada kenyataan media oleh Pengarah Syarikat eHati International Sdn. Bhd. pada 15 Julai 2025 berkaitan program eHati dan dakwaan yang mengaitkan bahawa JAIS telah memberikan kebenaran untuk meneruskan program tersebut.

JAIS menjelaskan bahawa pada 15 November 2022, **Panel Sesi Penjelasan** yang dilantik oleh JAIS telah mendapatkan penjelasan daripada penganjur program eHati susulan aduan yang diterima daripada peserta program itu. Pengadu pada masa itu mendakwa terdapat aktiviti yang bersalahan dengan hukum syarak berlaku dalam program tersebut.

Dalam sesi penjelasan yang diadakan, Panel telah diserahkan dengan video yang digunakan oleh penganjur yang mengandungi kaedah *self-pleasure* bagi wanita untuk tujuan merapatkan hubungan antara suami isteri. Justeru, Panel Sesi Penjelasan telah memberi pandangan bahawa program eHati boleh diteruskan tertakluk kepada syarat bahawa perkara atau aktiviti yang bercanggah dengan hukum syarak hendaklah dibuang daripada program itu. Pihak syarikat juga hendaklah sentiasa merujuk pihak berautoriti agama atau pakar dalam memastikan pematuhan hukum syarak dalam keseluruhan program eHati. Penganjur juga diminta meletakkan *Disclaimer* yang menyatakan bahawa video tersebut (merujuk kepada video yang dirujuk oleh Panel Sesi Penjelasan) adalah untuk kegunaan suami isteri sahaja. Nasihat ini diberikan kepada penganjur sebagai langkah untuk mengekang apa-apa tindakan yang melanggar hukum syarak dalam rakaman video yang digunakan.

Walau bagaimanapun, JAIS menafikan bahawa *Disclaimer* yang disarankan oleh Panel Sesi Penjelasan itu membuktikan bahawa keseluruhan modul atau aktiviti program eHati yang dibuat di IDCC Shah Alam itu telah dibenarkan oleh JAIS. Hal ini kerana syarikat tersebut tidak pernah merujuk keseluruhan modul program berkaitan kepada pihak JAIS selepas teguran dan syor dibuat oleh Panel Sesi Penjelasan sehingga ke hari ini. JAIS yakin sekiranya syarikat tersebut mematuhi ketetapan yang dibuat oleh Panel Sesi Penjelasan pada tahun 2022, sudah pasti insiden yang didakwa berlaku dalam program eHati di IDCC Shah Alam tidak akan terjadi.

Untuk makluman, selaras dengan keputusan Mesyuarat Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), JAIS juga telah diminta untuk menyemak dan menambah baik Garis Panduan Penyediaan Program Keagamaan dan Kerohanian Islam dengan mengambil kira pelbagai insiden termasuk program eHati. Penambahbaikan garis panduan ini dibuat agar suatu garis panduan yang lebih komprehensif dapat dijadikan rujukan oleh penganjur yang berhasrat untuk mengadakan program yang mengandungi unsur kerohanian dan keagamaan di Negeri Selangor.

JAIS menyeru agar masyarakat Islam di Negeri Selangor terus memainkan peranan aktif dengan menyalurkan maklumat serta melaporkan sebarang program atau pengisian keagamaan yang meragukan kepada pihak JAIS. Maklumat yang tepat daripada masyarakat adalah penting untuk membantu JAIS memelihara prinsip dan pelaksanaan ajaran Islam yang sebenar mengikut fahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah di Negeri Selangor.

DATO' HAJI MOHD SHAHZIHAN BIN AHMAD D.P.M.S., P.P.T.
Pengarah
Jabatan Agama Islam Selangor
19 Julai 2025